



Azizulhasni bersaing untuk anugerah Olahragawan Kebangsaan kali ketiga.



Cheong Jun Hoong

ANUGERAH SUKAN NEGARA 2017

Jijoe, Jun Hoong jadi pilihan

➔ Dua jaguh dunia bakal olahragawan, olahragawati

Oleh Aida Adilah Mat
aida_adilah@sukanteam.com.my

Kuala Lumpur

J aguh basikal, Azizulhasni Awang dan ratu terjun, Cheong Jun Hoong menjadi pilihan untuk dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan pada majlis Anugerah Sukan Negara (ASN) 2017, di sini, malam ini.

Ini berdasarkan kejayaan mereka muncul juara dunia dalam acara masing-masing dengan Azizulhasni menamatkan peñantian 10 tahun menjurai kerin di Kejohanan Dunia di Hong Kong, April lalu sekali gus memenangi jersi pelangi idamannya.

Jun Hoong pula memecah dominasi penerjun China sekali gus menjadi penerjun pertama negara meraih emas dalam acara 10 meter platform wanita di Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, Hungary pada Julai.

Azizulhasni atau Jijoe berdepan cabaran atlet bina badan, Mohd Syarul Azman Mahen, selain Muhammad Hakimi Ismail (olahraga), Gavin Kyle Green (golf), Mohd Fitri Saari (hoki), Mohamad Rafiq Ismail (bowling) dan Khairul Hafiz Jantan (olahraga).

Sekiranya Azizulhasni yang digelar 'The Pocket Rocketman' terpilih, ia adalah kali ketiga anak kelahiran Terengganu itu dinobatkan sebagai Olahragawan Kebangsaan selepas mengungguli gelaran itu pada 2009 dan 2010.

Calon pilihan

Kejayaan Syarul mempertahankan gelaran Mr Universe di Kejohanan Bina Badan Dunia dan Sukan Fizik di Mongolia Oktober lalu turut meletakkannya sebagai calon pilihan mengulangi zaman kegemilangan Sazali Samad.

Jun Hoong pula bersaing dengan S Sivasangari (skuasy), Koi Sie Yan (gimrama), Fatehah Mustapa (berbasikal), Emma Firiyani Saroji (boling padang) dan Siti Safiyah Amirah Abdul

Rahman (bowling).

Seandainya dinobatkan Olahragawati Kebangsaan, atlet berusia 27 tahun itu bakal mengulangi kejayaan rakan sepasukan, Pandelela Rinong pada 2015.

Selain Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan, ASN 2017 turut menobatkan Olahragawan dan Olahragawati Para Kebangsaan, Pasukan Lelaki dan Wanita Kebangsaan, Jurulatih Lelaki dan Wanita Kebangsaan, Anugerah Tokoh Sukan, Kepimpinan Sukan dan Anugerah Khas.

Sebanyak 83 calon disenarai untuk 11 kategori pada edisi kali ini dengan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V berkenaan mencemar duli sebagai tetamu kehormat pada majlisgilang-gemilang itu.